

## ZIARAH MAHABBAH INSTUN 2026

11 Mac 2026- Program Ziarah Mahabbah INSTUN 2026 telah dilaksanakan seawal pagi sebagai tanda penghargaan dan sokongan kepada petugas barisan hadapan yang terus berkhidmat tanpa mengira waktu. Inisiatif kebajikan ini menyaksikan edaran makanan sahur disempurnakan oleh Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN kepada petugas barisan hadapan di INSTUN serta petugas Bahagian Kecemasan Hospital Slim River, yang diwakili oleh Encik Abdul Samad bin Othman, Wakil kakitangan Hospital Slim River.

Program ini turut disertai oleh wakil Kelab INSTUN serta Bahagian Pentadbiran dan Kewangan yang bersama-sama berganding bahu menjayakan usaha murni ini dalam suasana penuh keikhlasan dan kebersamaan. Kehadiran delegasi INSTUN bukan sahaja menyampaikan sumbangan, malah turut memberi sokongan moral serta penghargaan secara langsung kepada para petugas yang sentiasa komited menjalankan amanah demi kesejahteraan masyarakat. Diharapkan usaha kecil ini mampu mencetuskan inspirasi kepada lebih ramai pihak untuk terus menyemai budaya prihatin dan saling membantu, selaras dengan semangat Ramadan yang menuntut kita berkongsi rezeki, memperkukuh silaturahim serta memupuk nilai empati dan kemanusiaan.



